



CERIA ... Pak Lah diiringi oleh isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah dan keluarga selepas majlis pernikahan.



TANDA KASIH.... Datin Seri Jeanne Abdullah menyarungkan cincin ke jari suaminya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

# “I Fall In Love Again” -Pak Lah

EB : 29/6/2007

Oleh : NORASHIKIN KASSIM



**KALAU** sudah jodoh tidak ke mana begitulah yang di alami oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang telah menemui ‘pilihan hatinya’ dan telah melaksanakan perkahwinannya dengan Jeanne Abdullah (Datin Seri) di kediaman rasmi Perdana Menteri, **Seri Perdana** pada 9 Jun yang lalu.

Upacara pernikahan ringkas dan menjadi tumpuan seluruh rakyat Malaysia itu hanya dihadiri oleh ahli keluarga terdekat.

“**I Fall In love Again**”, begitulah yang diucapkan oleh Pak Lah secara jujur dan kelihatan sentiasa ceria apa bila ditanyakan oleh pihak media mengenai calon bakal isterinya, Datin Seri Jeanne Abdullah.

Kehadiran Datin Seri Jeanne Abdullah yang akan menjadi ‘Wanita Pertama’ negara menemani suaminya diharapkan akan dapat membantu Pak Lah dalam urusan rasmi negara.

**Era Baru** seperti juga dengan seluruh rakyat Malaysia mengucapkan ‘**Selamat Pengantin Baru**’ dan ‘**Setinggi Tahniat**’ kepada Pak Lah dan isteri, Datin Seri Jeanne dan berharap mereka kekal bahagia untuk selamanya. Di siarkan disini beberapa gambar yang sempat dirakamkan pada majlis yang penuh bersejarah itu.

**GAMBAR KELUARGA...** Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datin Seri Jeanne Abdullah bergambar bersama ahli keluarga selepas majlis pernikahan. duduk dibarisan depan dari kiri Matthew Dancker (bapa Datin Seri Jeanne), anak lelaki Pak Lah, Kamaluddin Abdullah dan isteri, Datin Azrenne Abdullah, dan anak perempuan mereka, Alya. Berdiri dari kiri anak perempuan Datin Seri Jeanne, Nadene dan Nadiah, menantu Pak Lah, Khairy Jamaluddin yang mendukung Ahmad (anak bongsu Kamaluddin), dan isteri Nori Abdullah, Amira dan Arif (anak Kamaluddin Abdullah dan isteri, Datin Azrenne Abdullah)



TIDAK DILUPAKAN... Datin Seri Jeanne Abdullah menyiram ‘air mawar’ di atas pusara alahyarhamah Datin Seri Endon Mahmud sambil diperhatikan oleh Pak Lah dan ahli keluarga terdekat

